

Urus kewangan, elak dibuai 'tahap kebahagiaan' global

**Prof Madya
Dr Muhammad
Irwan Ariffin,**
Jabatan Ekonomi,
Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia
(UIAM)

Tinjauan kebahagiaan global terkini menunjukkan negara membangun seperti Malaysia terus mencatat tahap kebahagiaan lebih tinggi berbanding banyak negara maju. Menurut *Ipsos Global Happiness Index 2025*, sebahagian besar responden di negara ini melaporkan mereka berasa gembira dengan kehidupan

masing-masing.

Keadaan ini sering dianggap sebagai paradoks. Bagaimanakah negara dengan pendapatan purata lebih rendah mampu mencatat tahap kebahagiaan lebih tinggi berbanding negara lebih kaya? Jawapannya terletak bukan semata-mata pada tahap pendapatan, tetapi jangkaan, tingkah laku serta cara isi rumah menilai kemajuan ekonomi.

Di kebanyakan negara membangun, keyakinan terhadap masa depan masih kukuh. Isi rumah percaya bahawa peluang ekonomi semakin terbuka, pendapatan akan meningkat dan taraf hidup akan terus bertambah baik.

Keyakinan ini menyumbang secara ketara kepada tahap kebahagiaan dilaporkan. Sebaliknya di negara maju, jangkaan terhadap masa depan cenderung lebih mendatar atau menurun, sekali gus menjejaskan kepuasan hidup walaupun tahap pendapatan lebih tinggi.

Namun, keyakinan ini juga boleh membawa risiko tidak disedari. Apabila jangkaan meningkat, isi rumah cenderung menyesuaikan gaya hidup berdasarkan jangkaan peningkatan pendapatan pada masa hadapan.

Mula rasa tekanan kewangan

Perbelanjaan turut meningkat, sering kali disokong kemudahan kredit mudah diperolehi. Sekiranya pertumbuhan pendapatan tidak seiring dengan jangkaan berkenaan, tekanan kewangan mula dirasai.

Di sini pentingnya memahami peningkatan perbelanjaan tidak semestinya meningkatkan kebahagiaan, tetapi peningkatan hutang jelas boleh menjejaskan kebahagiaan. Perbelanjaan mungkin

memberikan kepuasan sementara, namun tanggungan pembayaran balik boleh menimbulkan tekanan berpanjangan, terutama dalam keadaan ekonomi tidak menentu.

Oleh itu, cabaran sebenar bukanlah pada jumlah pendapatan semata-mata, tetapi keupayaan isi rumah mengurus jangkaan serta tanggungan kewangan secara berhemat.

Hubungan antara jangkaan dengan tingkah laku kewangan ini turut memberi kesan kepada ekonomi secara keseluruhan. Sekiranya isi rumah berbelanja secara berlebihan dalam tempoh keyakinan tinggi, mereka mungkin akan mengurangkan perbelanjaan secara mendadak apabila berdepan kekangan kewangan. Keadaan ini berpotensi meningkatkan ketidakpastian ekonomi.

Kesimpulannya, kebahagiaan mampan tidak bergantung kepada peningkatan jangkaan semata-mata, tetapi kepada keupayaan mengurus jangkaan berkenaan secara realistik dan bertanggungjawab.